

KEMAHIRAN MEMBACA MURID DISLEKSIA DALAM LITERASI BAHASA MELAYU

(*Reading Skills in Malay Language Literacy of Dyslexic Students*)

Vijayaletchumy Subramaniam*

vletchumy@upm.edu.my

Kavenia Kunasegran

kavenia8@gmail.com

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Pengarang koresponden (*Corresponding author*): *

Rujukan artikel ini (*To cite this article*): Vijayaletchumy Subramaniam & Kavenia Kunasegran. (2022). Kemahiran membaca murid disleksia dalam literasi Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 22(2), 329–346. [https://doi.org/10.37052/jb22\(2\)no7](https://doi.org/10.37052/jb22(2)no7)

Peroleh: Received:	21/4/2022	Semakan: Revised	26/5/2022	Terima: Accepted:	22/9/2022	Terbit dalam talian: Published online:	31/10/2022
-----------------------	-----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	---	------------

Abstrak

Masalah literasi merupakan aspek yang paling signifikan dalam proses pembelajaran murid disleksia. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kemahiran membaca dalam literasi bahasa Melayu dalam kalangan murid disleksia. Sampel kajian terdiri daripada 10 murid disleksia yang dipilih daripada Persatuan Disleksia Malaysia. Kaedah kajian gabungan (*mixed-method*) dijalankan untuk mengenal pasti masalah bacaan mengikut adaptasi konstruk LINUS 2.0 Literasi Bahasa Melayu yang dibangunkan oleh Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia dalam kalangan kanak-kanak disleksia. Masalah membaca mengikut konstruk LINUS 2.0 Literasi Bahasa Melayu diukur berdasarkan konstruk dalam Diagnostik Literasi Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Disleksia. Diagnostik ini digunakan untuk menilai 12 kemahiran membaca dalam pencapaian membaca konstruk literasi murid disleksia. Setiap kemahiran membaca mempunyai lima item untuk dibaca. Diagnostik ini mempunyai 12 kemahiran yang dinilai berdasarkan tahap perkembangan minda murid

disleksia dalam aspek pembacaan. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa murid disleksia mempunyai tahap literasi yang lemah dalam aspek pembacaan bahasa Melayu. Daripada kajian ini, pengkaji telah menghasilkan satu pendekatan konstruk literasi baharu yang sesuai untuk murid disleksia. Berdasarkan kemampuan aspek pembacaan subjek kajian dalam penyelidikan ini, pengkaji merumuskan bahawa pengetahuan grafem-fonem dan segmentasi suku kata tidak memuaskan. Dapatan kajian ini memberi impak kepada Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia supaya perancangan kurikulum murid disleksia dapat diteliti. Hasil kajian ini juga berimpak kepada guru disleksia supaya mereka dapat merancang pengajaran dan pembelajaran agar sesuai dengan tahap perkembangan minda murid disleksia di Malaysia.

Kata kunci: Kemahiran membaca, literasi, bahasa Melayu, diagnostik, disleksia, pencapaian membaca

Abstract

Problems in literacy is the most significant aspect in the learning process of dyslexic students. This study was conducted to analyze the reading skills in Malay language literacy among dyslexic students. The sample of this study was 10 dyslexic students who were selected from the Malaysia Dyslexia Association. A mixed-method approach was conducted to identify reading problems according to the LINUS 2.0 construct, which was developed by the Special Education Division, Ministry of Education Malaysia. Reading problems according to the LINUS 2.0 were measured based on the construct in the Malay Language Reading Skills Literacy Diagnostic for Dyslexics. This diagnostic was used to assess 12 reading skills in the reading achievement of dyslexic students' literacy constructs. Each reading skill has 5 items to read. This diagnostic focuses on 12 reading skills that were analyzed according to the dyslexic students' level of learning. The findings of this study prove that dyslexic students have a poor level of literacy skills in reading Malay. From this study, the researcher has produced a new approach to literacy construct that is suitable for dyslexic students. Based on the reading ability of the subjects in this study, the researcher concludes that the knowledge of graphemes-phonemes and syllable segmentation is unsatisfactory. The findings of this study have an impact on the Special Education Division, Ministry of Education Malaysia, in that curriculum planning for dyslexic students can be examined. The findings of this study also have an impact on dyslexic teachers in that they can plan their teaching and learning to suit the level of mental development of dyslexic students in Malaysia.

Keywords: Reading skills, literacy, Malay language, diagnostics, dyslexia, reading achievement

LATAR BELAKANG

Masalah pembelajaran disleksia mempengaruhi aspek pembacaan dan tulisan seseorang. Dalam konteks pendidikan formal dalam pembelajaran bahasa, murid disleksia tidak mempunyai kemahiran membaca dan menulis seperti kanak-kanak normal. Disleksia umumnya dikategorikan sebagai kecelaruan bahasa kerana dapat mempengaruhi keupayaan kanak-kanak untuk membaca dan menulis dalam proses pembelajaran. Kanak-kanak disleksia mungkin dapat membaca, tetapi hanya pada tahap yang lebih rendah daripada yang dijangkakan dari segi tahap usia dan perkembangan minda mereka. Kecekapan membaca mereka adalah lemah dan tahap kritisalnya bergantung pada individu (Walda *et al.*, 2021). Secara umumnya, persekitaran pembelajaran dan motivasi juga turut memainkan peranan dalam proses pembelajaran mereka. Walaupun, deria mereka seperti penglihatan dan pendengaran berfungsi seperti biasa, kecerdasan mereka tidak terjejas akibat masalah pembelajaran disleksia. Murid disleksia mempunyai IQ yang lebih tinggi berbanding murid normal (Lyon, Shaywitz & Shaywitz, 2003). Kajian lepas telah membuktikan kecerdasan IQ disleksik tidak sejajar dengan murid normal. Walau bagaimanapun, murid disleksia boleh menunjukkan cabaran dalam proses pembelajaran dan juga dari segi aspek pertuturan, tingkah laku, emosi, psikologi dan sebagainya. (Kavenia & Vijayaletchumy, 2019).

Pencapaian literasi murid disleksia boleh diukur dari aspek penguasaan fonologikalnya seperti pemahaman huruf dan bunyi dalam proses membaca. Terdapat beberapa kriteria yang boleh dinilai untuk mengkaji tahap penguasaan literasi murid disleksia seperti tahap ejaan, pemahaman, kefasihan dan kepantasan dalam proses membaca (Moody, 2009). *Decoding* ataupun dikenali sebagai “penyahkodan” merupakan kemampuan individu mendiskriminasi huruf atau perkataan yang dibaca atau ditulis (Carver, 1998). Dalam kajian penyelidik tersebut, dapatan membuktikan kemahiran memproses ialah tahap rendah penyahkodan dan kemahiran memahami ialah tahap tinggi penyahkodan. Reid (2009) mencadangkan ujian ejaan dan membaca untuk menilai kemahiran penyahkodan ini dalam kalangan murid disleksia.

Satu petunjuk utama yang sangat jelas untuk mengkaji tahap pencapaian ejaan dan membaca adalah melalui pengetahuan huruf dan bunyi. Murid-murid disleksia yang mudah mempelajari konsep huruf dan bunyi mempunyai kemahiran fonologikal yang baik (Goulandris, 2006). Dalam kajian Byrne, Fielding-Barnsley, Ashley & Larsen (1997), hasil kajian membuktikan kemahiran penyahkodan bermula pada peringkat prasekolah dan tadika lagi. Literasi awal menekankan kemahiran fonemik dan fonetik yang menjadi asas kepada aspek pembacaan. Dalam kajian Muter (2004), kanak-kanak mesti menguasai kemahiran ortografik yang meliputi huruf dan bunyi. Menurut Fawcett dan Nicolson (1994), murid disleksia mempunyai cabaran juga dari aspek pengenalan warna dan nombor. Oleh sebab mereka mempunyai memori jangka masa pendek, hal ini menjelaskan proses pembelajaran mereka. Dalam aspek pembacaan pula, tahap kemahiran membaca murid disleksia tidak sejajar dengan tahap kemahiran membaca murid normal kerana penguasaan fonologikalnya yang lemah. Untuk menyelesaikan masalah ini, murid disleksia perlu menguasai kemahiran asas membaca dahulu, iaitu huruf dan bunyi. Mereka bukan hanya perlu menguasainya secara teori tetapi perlu melakukan banyak amali dan praktikal untuk memantapkan konsep tersebut. Kelemahan dari aspek fonologikal ini berpunca daripada instruksi fonik yang tidak sistematis pada peringkat awal lagi. Menurut Goulandris (2006), pemprosesan leksikal merupakan kemahiran yang penting dalam aspek kemahiran membaca. Kemampuan murid disleksia memproses unsur bahasa dari aspek fonemik dan fonologikal menggambarkan tahap kemahiran membacanya. Penyelidik Lee dan Wheldall (2011) telah memfokuskan kajian mereka dalam bidang pemerolehan perbendaharaan kata bahasa Melayu. Daripada hasil kajian mereka, penyelidik mendapat penggabungan dan penyesuaian fonem dan bunyi merupakan tanda seseorang murid menguasai perbendaharaan kata. Analisis kajian menunjukkan murid disleksia tidak mempunyai pengetahuan yang secukupnya dalam aspek segmentasi huruf, iaitu *letter segmentation*. Kemahiran ini saling berkait dengan penyesuaian bunyi huruf. Untuk menguasai kemahiran mengeja, murid mestilah menguasai konsep penyesuaian huruf dan bunyi.

PERNYATAAN MASALAH

Disleksia agak sukar dikenal pasti sejak kecil kerana dari segi fizikal, murid disleksia kelihatan sama seperti murid normal. Situasi ini menjadi sebab utama ibu bapa dan para pendidik tidak dapat mengenal pasti kewujudan

disleksia pada anak-anak mereka. Walau bagaimanapun, keupayaan membaca merupakan petunjuk utama untuk mengenal pasti masalah disleksia dalam kalangan kanak-kanak. Di Malaysia, disleksia diklasifikasikan sebagai kesukaran pembelajaran khusus. Individu yang didiagnos dengan disleksia berhak mendapatkan bantuan khas dalam pendidikan (Bahagian Pendidikan Khas, 2021). Kemahiran membezakan huruf dan menyesuaikan huruf dengan bunyi merupakan cabaran yang dominan dalam aspek bacaan murid disleksia. Oleh itu, keadaan ini memberi idea kepada pengkaji untuk meneliti aspek pembacaan murid disleksia. Sekiranya masalah ini tidak ditangani, murid disleksia akan ketinggalan dalam kemahiran membaca dan secara langsung akan menjadikan pembelajaran mereka untuk jangka masa panjang.

Beberapa kajian lepas telah mengkaji kesukaran literasi pada kalangan kanak-kanak disleksia dalam pembelajaran bahasa Melayu. Vijayalethchumy (2013) telah mengkaji penguasaan 3M (membaca, mengeja dan menulis) dalam satu kajian kes yang melibatkan lima orang kanak-kanak disleksik. Pengkaji telah menggunakan Instrumen Senarai Semak Disleksia untuk menilai penguasaan 3M. Pengkaji mendapat bahawa semua subjek kajian menghadapi kesukaran untuk menguasai kemahiran 3M walaupun mereka mengikuti Program Integrasi Masalah Pembelajaran Disleksia untuk dua tahun. Dalam konteks literasi, kajian dijalankan oleh Walda *et al.* (2021) mengkaji tahap kemahiran membaca murid disleksia. Kajian tersebut membuktikan kaitan pemprosesan penamaan huruf, penyahkodan, pengenalphastian bunyi huruf dan stimuli fonologikal dengan pembelajaran bahasa murid disleksia yang lemah. Selain itu, dapatan kajian oleh Kavenia & Vijayalethchumy (2019) mengetengahkan beberapa simptom membaca dan menulis yang berkaitan dengan domain literasi bahasa Melayu murid disleksia di Malaysia. Antara simptom yang dibuktikan dalam kajian tersebut termasuklah sebutan yang salah, mengulang perkataan, melangkau apabila membaca dan keliru dengan bentuk abjad yang sama.

Masalah pembelajaran disleksia perlu dikaji dengan lebih mendalam dari aspek literasi dan kurang kajian yang meneliti masalah penguasaan literasi dalam kalangan murid disleksia. Dengan mengemukakan lebih banyak kajian sebegini, masalah disleksia akan dapat diatasi dengan intervensi yang sepatutnya. Kajian ini memfokuskan kemahiran membaca, iaitu 12 kemahiran membaca yang digariskan dalam pencapaian literasi bahasa Melayu. Tahap kemahiran membaca murid disleksia akan diuji berpandukan 12 kemahiran tersebut.

METODOLOGI

Pengkaji telah mengadaptasikan reka bentuk penyelidikan kuantitatif dalam usaha mengumpul dan menganalisis data kajian ini. Kajian ini bersandarkan adaptasi pendekatan LINUS 2.0 Konstruk Literasi Bahasa Melayu untuk mengenal pasti tahap kemahiran bacaan dalam kalangan murid disleksia. Pengkaji menganalisis tahap kemahiran bacaan mengikut 12 konstruk literasi murid disleksia yang digariskan oleh Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia, iaitu: (1) Mengenal Huruf. (2) Membunyikan Huruf. (3) Membaca Huruf Vokal dan Konsonan. (4) Membaca Suku Kata Terbuka. (5) Membaca Suku Kata Tertutup. (6) Membaca Perkataan dengan Suku Kata Tertutup “ng”. (7) Membaca Perkataan dengan Diftong. (8) Membaca Perkataan dengan Diagraf. (9) Membaca Perkataan dengan Vokal Berganding. (10) Membaca Perkataan dengan Imbuhan. (11) Membaca Frasa. (12) Membaca Ayat Mudah. Dalam kajian ini, sampel kajian terdiri daripada 10 orang kanak-kanak disleksia yang telah disahkan mempunyai disleksia setelah menjalani ujian diagnostik oleh pakar dari Pusat Disleksia Malaysia. Bagi mengenal pasti tahap kemahiran bacaan mengikut konstruk LINUS 2.0 dalam kalangan murid disleksia, pengkaji telah menjalankan kaji selidik di Pusat Disleksia Ampang selama enam bulan. Dalam tempoh kajian lapangan tersebut, pengkaji juga menjalankan pemerhatian dalam kelas untuk mengenal pasti masalah bacaan mengikut 12 kemahiran membaca dalam kalangan murid disleksia.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dalam kajian ini, pengkaji mengkaji kemahiran membaca dalam literasi bahasa Melayu dalam kalangan murid disleksia mengikut 12 kemahiran bacaan yang digariskan dalam konstruk LINUS 2.0 Literasi Bahasa Melayu, iaitu: (1) Mengenal Huruf. (2) Membunyikan Huruf. (3) Membaca Huruf Vokal dan Konsonan. (4) Membaca Suku Kata Terbuka. (5) Membaca Suku Kata Tertutup. (6) Membaca Perkataan dengan Suku Kata Tertutup “ng”. (7) Membaca Perkataan dengan Diftong. (8) Membaca Perkataan dengan Diagraf. (9) Membaca Perkataan dengan Vokal Berganding. (10) Membaca Perkataan dengan Imbuhan. (11) Membaca Frasa. (12) Membaca Ayat Mudah. Setiap kemahiran membaca mempunyai lima item dengan satu markah mewakili satu item untuk dinilai.

Kemahiran 1 daripada Diagnostik Literasi Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Disleksia memfokuskan kemahiran mengenal huruf

Jadual 1 Skor subjek kajian mengikut kemahiran membaca.

	Sub 1	Sub 2	Sub 3	Sub 4	Sub 5	Sub 6	Sub 7	Sub 8	Sub 9	Sub 10
KB1	4	4	4	3	4	3	1	1	4	3
KB2	3	4	3	5	3	5	3	3	4	4
KB3	3	4	4	4	4	5	3	3	5	4
KB4	3	4	5	3	3	4	4	3	2	1
KB5	0	1	0	5	3	4	3	4	2	2
KB6	0	0	0	0	2	0	3	3	3	0
KB7	0	0	0	0	1	0	0	3	2	0
KB8	0	0	0	0	2	0	1	0	1	2
KB9	0	0	0	1	0	0	1	0	1	2
KB10	1	1	0	0	2	0	3	3	3	2
KB11	1	1	1	5	3	2	2	3	3	2
KB12	0	0	0	0	3	0	1	3	1	2

* Sub = Subjek kajian, KB = Kemahiran bacaan

dalam bahasa Melayu. Kemahiran 1 mengkaji kemahiran membaca huruf /a/, /d/, /m/, /p/ dan /w/. Pengkaji mencatatkan penguasaan murid untuk setiap item dalam diagnostik yang disediakan. Berdasarkan dapatan kajian, majoriti sampel kajian menguasai kemahiran mengenal huruf, iaitu seramai 6 daripada 10 orang murid disleksia dapat mengenal huruf yang diberikan dengan betul tanpa kekeliruan apabila membaca. Pengkaji merekodkan 62% daripada kemahiran ini dicapai dalam kalangan murid disleksia. Jadual 1 memaparkan skor yang dicatatkan untuk setiap subjek kajian. Pengkaji mendapati murid disleksia menunjukkan kesukaran untuk mengenal huruf yang diberikan dalam diagnostik tersebut. Walaupun subjek kajian yang dipilih telah selesai belajar pengenalan huruf a-z, mereka masih tidak dapat menguasai huruf atau ortografik ini. Kajian yang dijalankan oleh Vellutino *et al.* (2004) membuktikan defisit fonologi mengganggu pemerolehan dan penguasaan aspek fonem yang menyebabkan kesukaran untuk menguasai huruf. Kecelaruan ini juga menyebabkan kekurangan kesedaran fonologi, kekurangan dalam memori fonologi, dan kekurangan dalam penamaan (*coding*) (Vellutino *et al.*, 2004). Daripada dapatan kajian ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa terdapat hubungan langsung antara tahap pengetahuan ortografik dan pengetahuan huruf dengan kesukaran dalam

proses membaca. Hal ini dapat dibuktikan dalam kemahiran mengenali huruf dalam kalangan murid disleksia yang dipilih.

Kemahiran 2 daripada Diagnostik Literasi Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Disleksia memfokuskan kemahiran membunyikan huruf dalam pembacaan bahasa Melayu. Kemahiran 2 mengkaji kemahiran membunyikan huruf /b/, /c/, /k/, /n/ dan /t/. Hasil kajian menunjukkan hanya 5 daripada 10 orang murid disleksia mencapai tahap menguasai untuk kemahiran membunyikan huruf yang diberikan dengan betul. Pengkaji merekodkan hanya 44% daripada kemahiran ini dicapai dalam kalangan murid disleksia. Berdasarkan Jadual 1, terdapat perbezaan yang kecil antara semua subjek kajian dalam aspek kemahiran membunyikan huruf. Kebanyakan murid disleksia keliru dengan bunyi huruf /k/ dan huruf /c/. Pengkaji mendapati murid disleksia tidak dapat membezakan kedua-dua bunyi huruf yang hampir sama. Hal ini bukan disebabkan oleh kecelaruan visual atau auditori mereka kerana mereka dapat mengenali huruf tersebut. Daripada pemerhatian pengkaji, masalah membunyikan huruf menjadi cabaran kepada murid disleksia apabila membaca tanpa panduan dan ajaran guru. Menurut Reid (2009), kesukaran dalam pencapaian literasi murid bergantung pada kebolehan menguasai fonemik dan fonologi bahasa. Kedua-dua pengetahuan huruf dan bunyi penting dalam penguasaan bahasa. Pandangan ini seajar dengan dapatan kajian ini yang membuktikan murid memerlukan kedua-dua penguasaan kemahiran untuk mengenal huruf dan membunyikan huruf yang diberikan dalam diagnostik. Dapatan kajian ini berbeza dengan kajian lepas oleh Hachmann *et al.* (2020) dan Walda *et al.* (2021) yang tidak membezakan penguasaan fonemik dan fonologi dalam pencapaian literasi murid disleksia.

Kemahiran 3 daripada Diagnostik Literasi Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Disleksia memfokuskan kemahiran membaca huruf vokal dan konsonan dalam bacaan bahasa Melayu, iaitu huruf /e/, /g/, /i/, /k/ dan /o/. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, penguasaan murid untuk setiap item dalam diagnostik yang disediakan telah direkodkan dan hasil dapatan kajian menunjukkan majoriti subjek kajian, iaitu 7 daripada 10 orang murid disleksia mencapai tahap menguasai kemahiran membaca huruf vokal dan konsonan yang diberikan dengan betul. Daripada hasil temu bual bersama-sama dengan guru disleksia kelas tersebut, pengkaji difahamkan bahawa murid disleksia diajar mengenal huruf vokal dan huruf konsonan sebelum pengenalan huruf a-z secara keseluruhan. Hal ini adalah untuk memudahkan pembelajaran mereka secara berperingkat. Mereka tidak akan dapat menguasai huruf sekiranya diajar semua huruf

sekali gus seperti mengajar murid-murid normal. Kajian yang dijalankan oleh Moody (2009) berpendapat bahawa terdapat beberapa aspek yang perlu dinilai untuk mengetahui keupayaan dan tahap literasi kanak-kanak disleksia. Guru disleksia mengambil kira tahap pengetahuan dan perkembangan bahasa mengikut kemampuan murid tersebut. Terdapat perbezaan penguasaan kemahiran membaca antara semua subjek kajian yang dipilih. Melalui kajian ini, pengkaji mendapati semua subjek kajian yang dipilih mempunyai tahap perkembangan minda yang berlainan. Pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca huruf vokal dan konsonan ini tidak sama untuk murid disleksia. Situasi ini memberi gambaran yang jelas kepada guru disleksia untuk merancang pengajaran mereka supaya sesuai dengan aras perkembangan minda murid disleksia.

Kemahiran 4 daripada Diagnostik Literasi Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Disleksia memfokuskan kemahiran membaca suku kata terbuka dalam bacaan bahasa Melayu, iaitu suku kata /ba/, /ke/, /gi/, /mo/ dan /ta/. Hasil dapatan kajian menunjukkan hanya 4 daripada 10 orang murid disleksia menguasai kemahiran membaca suku kata terbuka yang diberikan dalam diagnostik dengan betul. Pengkaji merekodkan 64% daripada kemahiran ini dicapai dalam kalangan murid disleksia. Berdasarkan Jadual 1, pengkaji mendapati beberapa murid disleksia tidak dapat membaca suku kata terbuka. Hal ini disebabkan oleh kesukaran untuk menggabungkan bunyi huruf apabila membaca suku kata sepenuhnya. Pengkaji juga mendapati murid disleksia sering mengeja secara fonik ataupun memisahkan huruf dalam suku kata tersebut dan mengeja suku kata secara berasingan. Kebanyakan murid disleksia keliru apabila menggabungkan huruf. Lee (2008) mencadangkan membaca suku kata dan perkataan serta kefasihan membaca dapat menilai pencapaian literasi seseorang. Pengetahuan dan penggabungan huruf-bunyi telah terbukti menjadi petunjuk utama yang sangat baik untuk menilai pencapaian membaca dan mengeja kerana kanak-kanak yang belajar huruf-bunyi dengan mudah lebih cenderung mempunyai kemahiran fonologi yang baik (Goulandris, 2006). Dalam konteks kajian ini, pengkaji mendapati murid disleksia tidak fasih dalam pembacaan bahasa Melayu dan ini menjelaskan proses penguasaan bahasanya secara keseluruhan. Suku kata terbuka merupakan asas dalam penggabungan dua bunyi huruf. Daripada dapatan kajian ini, pengkaji membuktikan bahawa terdapat banyak kelemahan dalam kemahiran menggabungkan bunyi huruf apabila membaca suku kata secara serentak.

Kemahiran 5 daripada Diagnostik Literasi Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Disleksia memfokuskan kemahiran membaca suku kata tertutup dalam bacaan bahasa Melayu, iaitu suku kata /kek/, /bom/, /jam/, /tin/ dan /van/. Pengkaji telah merekodkan penguasaan murid untuk setiap item dalam diagnostik yang disediakan. Hasil kajian menunjukkan hanya 3 daripada 10 orang murid disleksia mencapai tahap menguasai untuk kemahiran membaca suku kata tertutup yang diberikan dengan betul. Pengkaji merekodkan hanya 48% daripada kemahiran ini dicapai dalam kalangan murid disleksia. Pengkaji mendapat masih terdapat murid disleksia yang menunjukkan kesukaran membaca suku kata tertutup yang diberikan dalam diagnostik tersebut. Walaupun subjek kajian yang dipilih telah selesai belajar penggabungan bunyi dalam bacaan suku kata, mereka tidak dapat menguasai suku kata dalam pembacaan bahasa Melayu. Kajian yang dijalankan oleh Ezleena Mustafa (2020) mengenal pasti kesalahan fonologikal, khususnya fonem, suku kata dan tahap perkataan dalam bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar disleksia. Hasil kajian ini mendedahkan bahawa murid disleksia melakukan kesalahan dalam kriteria fonem, suku kata dan perkataan daripada pemprosesan fonologi. Kesalahan fonologikal yang dibuat oleh murid disleksia ialah ketinggalan fonem, pemisahan suku kata, gabungan suku kata, dan bacaan bukan perkataan. Melalui kajian ini, pengkaji membuktikan hubungan langsung antara tahap pengetahuan fonologikal dan kesukaran proses membaca dalam bahasa Melayu yang berbeza dengan dapatan kajian oleh Siti Wan Aminah dan Suria (2018) yang meneliti ejaan dan pengenalan fonem dalam pembacaan bahasa Melayu sahaja.

Kemahiran 6 daripada Diagnostik Literasi Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Disleksia memfokuskan kemahiran membaca perkataan dengan suku kata tertutup “ng” dalam bacaan bahasa Melayu, iaitu perkataan /tong/, /wang/, /udang/, /ladang/ dan /pisang/. Dapatan kajian menunjukkan semua murid disleksia tidak menguasai kemahiran membaca perkataan dengan suku kata tertutup “ng”. Pengkaji merekodkan hanya 22% daripada kemahiran ini dicapai dalam kalangan murid disleksia. Kemahiran membaca perkataan dengan suku kata tertutup “ng” ini menjadi cabaran yang besar kepada murid disleksia kerana mereka akan membunyikan huruf secara berasingan, iaitu bunyi /n/ dan diikuti dengan bunyi /g/. Apabila perkataan dibaca secara keseluruhannya, murid tidak dapat menggabungkan bunyi. Kajian yang dijalankan oleh Siti Wan Aminah dan Suria (2018) menunjukkan bahawa murid disleksia mempunyai kesukaran literasi dari segi pembalikan huruf, penamaan

huruf abjad yang tidak tepat dan tidak membunyikan ejaan dengan tepat. Dapatkan ini menyokong hasil kajian ini yang membuktikan perkaitan pengenalan huruf dan penggabungan bunyi huruf tersebut. Berdasarkan kemampuan literasi subjek kajian dalam penyelidikan ini, pengkaji merumuskan bahawa pengetahuan grafem-fonem dan segmentasi suku kata adalah lemah. Seperti yang diulas dalam kemahiran membaca di atas, segmentasi suku kata merupakan kemahiran asas dalam pembacaan bahasa Melayu. Berbeza dengan dapatkan kajian oleh Lee dan Wheldall (2011) yang mengkaji pemerolehan kosa kata bahasa Melayu, pengkaji mengukuhkan keperluan pengetahuan dalam penggabungan fonem ialah petanda pemerolehan kosa kata yang signifikan.

Kemahiran 7 daripada Diagnostik Literasi Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Disleksia memfokuskan kemahiran membaca perkataan dengan diftong dalam pembacaan bahasa Melayu, iaitu perkataan /petai/, /limau/, /pulau/, /tupai/ dan /kerbau/. Sama seperti kemahiran 6, murid disleksia tidak menguasai kemahiran membaca perkataan dengan diftong. Pengkaji merekodkan hanya 12% daripada kemahiran ini dicapai dalam kalangan murid disleksia. Berdasarkan Jadual 1, terdapat perbezaan yang signifikan antara semua subjek kajian dalam aspek kemahiran mengenal perkataan dengan diftong. Pengkaji mendapati murid disleksia tidak dapat membezakan dan membunyikan kedua-dua bunyi vokal secara serentak. Daripada pemerhatian pengkaji, masalah membunyikan huruf terpapar dalam hampir semua kemahiran membaca dalam bahasa Melayu murid disleksia. Oleh sebab penggabungan dua huruf vokal dalam perkataan diftong seperti /petai/, /limau/, /pulau/, /tupai/ dan /kerbau/, murid sering meninggalkan satu vokal apabila membaca. Murid disleksia membaca /limau/ sebagai /limu/ atau /pulau/ sebagai /pula/. Seperti yang diulas dalam dapatkan kajian ini, semua subjek kajian mempunyai tahap penguasaan fonologi dan fonologikal yang lemah dan hal ini secara langsung menjelaskan tahap kemahiran membaca mereka secara keseluruhan. Murid disleksia tidak dapat menguasai bahasa secara holistik kerana tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas untuk membaca, iaitu pengetahuan fonemik dan fonologikal.

Kemahiran 8 daripada Diagnostik Literasi Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Disleksia memfokuskan kemahiran membaca perkataan dengan diagraf dalam bacaan bahasa Melayu, iaitu perkataan /tarikh/, /khamis/, /bangun/, /akhbar/ dan /nyala/. Hasil kajian menunjukkan semua murid disleksia tidak menguasai kemahiran membaca perkataan dengan diftong. Pengkaji merekodkan hanya 12%

daripada kemahiran ini dicapai dalam kalangan murid disleksia. Seperti analisis kemahiran membaca perkataan dengan diftong dalam pembacaan bahasa Melayu, masalah yang sama dikenal pasti ketika murid disleksia membaca perkataan dengan diagraf, iaitu gabungan huruf konsonan dalam perkataan. Terdapat perkataan yang hanya menggabungkan dua konsonan seperti /khamis/, /bangun/, dan /nyala/. Hanya satu perkataan dengan tiga huruf konsonan diberikan, iaitu /akhbar/. Hasil dapatan kajian menunjukkan murid disleksia tidak dapat membaca perkataan diftong yang diberikan dengan betul. Dalam proses mengeja dan membaca, mereka meninggalkan huruf atau suku kata sepenuhnya. Sebagai contoh, murid disleksia membaca /khamis/ sebagai /hamis/ atau /nyala/ sebagai /nala/. Kajian yang dijalankan oleh Wan Muna Ruzanna (2011) pula berkait rapat dengan kajian ini yang menunjukkan murid disleksia mempunyai kesukaran untuk mengenal pasti fonem dalam bacaan. Bukan itu sahaja, wujud masalah peninggalan huruf semasa mengeja dan membaca. Masalah peninggalan huruf ini telah dibuktikan dalam kajian Vijayaletchumy (2013). Walau bagaimanapun, kedua-dua kajian lepas ini tidak membuktikan masalah peninggalan huruf dalam pembacaan perkataan yang mengandungi diftong dari aspek literasi bahasa Melayu.

Kemahiran 9 daripada Diagnostik Literasi Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Disleksia memfokuskan kemahiran membaca perkataan dengan vokal berganding dalam pembacaan bahasa Melayu, iaitu perkataan /kuih/, /duit/, /buah/, /taat/ dan /tuala/. Hasil kajian membuktikan semua murid disleksia tidak menguasai kemahiran membaca perkataan dengan vokal berganding. Pengkaji merekodkan hanya 10% daripada kemahiran ini dicapai dalam kalangan murid disleksia. Vokal berganding ialah gabungan dua huruf vokal (a,e,i,o,u) yang duduk bersebelahan dalam perkataan, tetapi tidak terpisah sebutan bunyinya dalam suku kata. Perkataan /kuih/, /duit/, /buah/, /taat/ dan /tuala/ perlu dibaca secara berasingan sebagai dua suku kata. Pengkaji mendapati wujud persamaan tahap kemahiran membaca murid disleksia dalam kemahiran diagraf, diftong dan vokal berganding. Dalam kemahiran membaca perkataan dengan vokal berganding, murid disleksia sering mengeja secara fonik ataupun memisahkan huruf dalam suku kata tersebut. Seperti yang dijelaskan dalam kemahiran sebelumnya, masalah peninggalan huruf sangat signifikan dalam tiga kemahiran membaca ini, iaitu diagraf, diftong dan vokal berganding. Terdapat juga masalah penyisipan huruf dan bunyi dalam pembacaan. Misalnya, murid disleksia membaca /buah/ sebagai /buwah/ dan /duit/ sebagai /duyit/. Terdapat penambahan dan penyisipan

bunyi huruf yang tidak terdapat pada perkataan asal. Pengkaji mendapati masalah ini amat ketara dilakukan dalam pembacaan oleh murid disleksia. Kajian lepas telah mengkaji masalah penyisipan seperti yang diketengahkan oleh Levinson (1994) dalam teorinya di negara Barat. Oleh itu, kajian ini lebih mendalam dan mengukuhkan masalah tersebut dalam domain literasi murid disleksia dalam aspek pembacaan bahasa Melayu di Malaysia.


Kemahiran 10 daripada Diagnostik Literasi Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Disleksia memfokuskan kemahiran membaca perkataan dengan imbuhan dalam pembacaan bahasa Melayu, iaitu perkataan /petani/, /pencuri/, /pembaca/, /makanan/ dan /lukisan/. Sama seperti yang diulas dalam kemahiran 9, dapatan kajian membuktikan semua murid disleksia tidak menguasai kemahiran membaca perkataan dengan imbuhan. Pengkaji merekodkan 30% daripada kemahiran ini dicapai dalam kalangan murid disleksia. Berdasarkan Jadual 1, terdapat perbezaan yang signifikan antara semua subjek kajian dalam aspek kemahiran membaca perkataan dengan imbuhan. Pada peringkat awal literasi, hanya imbuhan awalan pen- dan imbuhan akhiran -an diajar kepada murid tahap satu di sekolah. Murid disleksia juga akan belajar kedua-dua jenis imbuhan pada tahap 1. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati hampir separuh daripada murid disleksia yang dipilih lemah dalam kemahiran membaca perkataan berimbuhan. Kelemahan tersebut wujud kerana murid disleksia menunjukkan kesukaran untuk membaca perkataan dengan tiga suku kata atau tidak dapat membaca perkataan tersebut sepenuhnya. Kesukaran membaca dipengaruhi oleh kekurangan atau defisit fonologikal yang merangkumi fonem, huruf, bunyi suku kata dan perkataan dalam bahasa. Penyataan ini sejajar dengan dapatan kajian ini yang membuktikan perkaitan kemahiran membaca murid disleksia dengan pengetahuan fonem, huruf, bunyi suku kata yang asas dalam bahasa Melayu.

Kemahiran 11 daripada Diagnostik Literasi Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Disleksia memfokuskan kemahiran membaca frasa dalam bacaan bahasa Melayu, iaitu frasa /bola saya/, /ikan laut/, /kek ceri/, /buah oren/ dan /daun pisang/. Hasil dapatan kajian membuktikan terdapat sedikit perubahan dalam kemahiran membaca berbanding dengan kemahiran sebelumnya. Pengkaji merekodkan 46% daripada kemahiran ini dicapai dalam kalangan murid disleksia. Walau bagaimanapun, 9 daripada 10 orang murid disleksia tidak menguasai kemahiran membaca perkataan berimbuhan. Semua perkataan yang diberikan untuk membentuk frasa

dalam kemahiran 11 telahpun diberikan dalam kemahiran membaca yang sebelumnya. Maksudnya, murid disleksia telah diberikan setiap perkataan dalam frasa-frasa ini secara berasingan sebelum dijadikan frasa dalam kemahiran membaca ini. Walau bagaimanapun, murid disleksia masih tidak dapat menguasai pembacaan daripada lima frasa yang diberikan, kecuali seorang murid sahaja yang membacanya dengan betul. Hal ini juga menunjukkan daya ingatan dan memori dikaitkan dengan aspek bacaan oleh murid disleksia. Hachmann *et al.* (2020) telah mengkaji hubungan memori dengan keupayaan membaca dalam kalangan murid disleksia dan mereka membuktikan hubungan korelasi antara memori dan kemahiran penyahkodan fonem. Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah membuktikan murid disleksia mempunyai masalah dari segi penguasaan fonem dalam bahasa kerana mereka mempunyai cabaran untuk mengingati kandungan pembelajaran secara jangka masa panjang. Pernyataan ini sesuai dan sejajar dengan hasil dapatan kajian ini. Kemahiran 12 daripada Diagnostik Literasi Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Disleksia memfokuskan kemahiran membaca ayat mudah dalam pembacaan bahasa Melayu. Yang berikut merupakan ayat mudah yang diberikan (1) Kucing adik comel. (2) Abang panjat pokok. (3) Masakan emak sedap. (4) Rumah Ali besar. (5) Guru yang baik. Hasil kajian membuktikan semua murid disleksia tidak menguasai kemahiran membaca ayat mudah.

Pengkaji merekodkan hanya 20% daripada kemahiran ini dicapai dalam kalangan murid disleksia. Pengkaji dapat merumuskan bahawa murid disleksia menunjukkan kelemahan dalam pembacaan secara keseluruhan. Daripada pemerhatian pengkaji, mereka terlalu perlahan dan mengambil masa yang lama apabila membaca tanpa panduan dan ajaran guru. Kedua-dua pengetahuan huruf dan bunyi penting dalam penguasaan bahasa. Pandangan ini sejajar dengan dapatan kajian ini yang membuktikan murid memerlukan kedua-dua penguasaan kemahiran mengenali huruf dan membunyikan huruf yang diberikan dalam diagnostik. Teori Fonologikal Defisit Disleksia mengutarkan bahawa golongan disleksik menghadapi cabaran kerana keupayaan menyimpan dan memproses bunyi pertuturan dikaitkan dengan pembacaan abjad dan pembelajaran fonem. Sekiranya golongan disleksik tidak menguasai aspek ini, pemerolehan dan pembelajaran bahasa menjadi sukar untuk dikuasai.

Analisis keseluruhan tahap kemahiran aspek bacaan mengikut subjek kajian memaparkan pencapaian peratusan dan skor seperti Rajah 1. Dapatkan kajian ini membuktikan bahawa murid mempunyai masalah pembacaan mengikut konstruk LINUS 2.0 Literasi Bahasa Melayu.



Rajah 1 Analisis keseluruhan tahap kemahiran membaca.

Masalah pembacaan mengikut konstruk LINUS 2.0 ini menilai 12 kemahiran membaca dalam pencapaian membaca konstruk literasi murid disleksia. Pengkaji mendapati murid disleksia tidak menguasai ketigatiga elemen, fonemik, fonetik dan fonologikal. Hal ini secara langsung menjelaskan penguasaan bahasa mereka. Kajian lepas oleh Walda *et al.* (2021), Hachmann *et al.* (2020), Reis *et al.* (2020), Van Hirtum *et al.* (2020) hanya mengkaji aspek pembacaan tetapi juga mengkaji kemahiran membaca mengikut setiap konstruk literasi dalam bacaan. Kelemahan murid disleksia dalam literasi dibuktikan secara jelas dalam kajian ini.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa murid disleksia mempunyai masalah pembacaan mengikut konstruk literasi bahasa Melayu. Murid disleksia telah dinilai berdasarkan 12 kemahiran bacaan, iaitu: (1) Mengenal Huruf. (2) Membunyikan Huruf. (3) Membaca Huruf Vokal dan Konsonan. (4) Membaca Suku Kata Terbuka. (5) Membaca Suku Kata Tertutup. (6) Membaca Perkataan dengan Suku Kata Tertutup “ng”. (7) Membaca Perkataan dengan Diftong. (8) Membaca Perkataan dengan Diagraf. (9) Membaca Perkataan dengan Vokal Berganding.

(10) Membaca Perkataan dengan Imbuhan. (11) Membaca Frasa. (12) Membaca Ayat Mudah.

Pengkaji dapat merumuskan bahawa terdapat hubungan langsung antara tahap pengetahuan ortografi dan pengetahuan huruf dengan kesukaran proses membaca. Hal ini dibuktikan dalam tahap pencapaian kemahiran bacaan untuk setiap konstruk literasi. Dapatkan kajian ini berbeza dengan kajian lepas oleh Hachmann *et al.* (2020) dan Walda *et al.* (2021) yang tidak membezakan penguasaan fonemik dan fonologi dalam pencapaian aspek pembacaan murid disleksia. Melalui kajian ini, pengkaji mendapatkan semua subjek kajian yang dipilih mempunyai tahap perkembangan minda yang berlainan. Pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca ini tidak sama untuk semua murid disleksia. Situasi ini memberi gambaran yang jelas kepada guru disleksia untuk merancang pengajaran mereka supaya sesuai dengan aras perkembangan minda murid disleksia. Berdasarkan tahap aspek pembacaan subjek kajian dalam penyelidikan ini, pengkaji merumuskan bahawa pengetahuan grafem-fonem dan segmentasi suku kata adalah lemah dalam kalangan murid disleksia. Oleh itu, keutamaan mesti diberikan kepada kedua-dua domain ini, iaitu pengetahuan grafem-fonem dan segmentasi suku kata dalam aspek bacaan. Tambahan pula, pengkaji telah menghasilkan satu pendekatan konstruk literasi bahasa Melayu dalam aspek pembacaan yang sesuai untuk murid disleksia daripada kajian ini. Konstruk tersebut telah disesuaikan dengan tahap perkembangan minda murid disleksia yang tidak sejajar dengan murid normal.

PENGHARGAAN

Kajian ini disokong dengan Geran Fundamental Research Grant Scheme, Kementerian Pendidikan Tinggi (Kod Rujukan KPT: FRGS/1/2020/SS0/UPM/01/1). Pengkaji juga ingin merakamkan penghargaan kepada warga Persatuan Disleksia Malaysia atas sokongan dan kerjasama yang diberikan kepada pengkaji sepanjang penyempurnaan kajian ini. Penghargaan juga diberikan kepada Encik Suhaimi daripada Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia atas input yang diberikan dalam kajian ini. Terima kasih juga diucapkan kepada pakar rujuk kajian, Dr. Ervina Sinatumpang dari Widyatama Universiti Indonesia dan pegawai SISC+ bahasa Melayu dari Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan yang turut menyumbang dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Bahagian Pendidikan Khas. (2021). *Data pendidikan khas 2021*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Byrne, B., Fielding-Barnsley, R., Ashley, L., & Larsen, K. (1997). Assessing the child's and the environment's contribution to reading acquisition: What we know and what we don't know. In B. Blachman (Ed.), *Foundations of dyslexia and early reading acquisition*. Erlbaum & Associates.
- Carver, R. P. (1998). Predicting reading level in Grades 1 to 6 from listening level and decoding level: Testing theory relevant to simple view of reading. *Reading and Writing: An Interdisciplinary Journal*, 10, 121–154.
- Ezleena Mustafa Kamal (2020). Phonological errors in English among dyslexic learners in selected primary schools in Penang: Phoneme, syllable and word levels. *Pertanika Journal of Social Science & Humanities*, 28(S2), 157 – 175.
- Fawcett, A. J., & Nicolson, R. I. (1994). Naming speed and dyslexia. *Journal of Learning Disabilities*, 27(10), 641–646.
- Goulandris, N. K. (2006). Assessing reading and spelling skills. In M. J. Snowling and J Stackhouse (Eds.). *Dyslexia, speech and language: A practitioner's handbook*. (2nd ed.). Whurr Publishers.
- Hachmann, W. M., Cashdollar, N., Postiglione, F. & Job, R. (2020). The relationship of domain-general serial order memory and reading ability in school children with and without dyslexia. *Journal of Experimental Child Psychology*, 193 (2020) 104789.
- Kavenia Kunasegran & Vijayaletchumy Subramaniam (2019). Visual dyslexia symptoms vs. The level of learning of dyslexic children. *Infrastructure University Kuala Lumpur Research Journal (Infrastructure University)*, 7(2), 1–7.
- Lee, L. W., & Wheldall, K. (2011). Acquisition of Malay word recognition skills: lessons from low-progress early readers. *Dyslexia*, 17(1), 19–37.
- Lee, L. W. (2008). Development and validation of a reading-related assessment battery in Malay for the purpose of dyslexia assessment. *Annals of Dyslexia*, 58(1), 37–57.
- Levinson, S. C. (1994). *Smart but feeling dumb*. Oxford University Press.
- Lyon GR, Shaywitz, Sally. E, Shaywitz, Bennett A (2003) Defining dyslexia, comorbidity, teachers' knowledge of language and reading. *Annals of Dyslexia*, 53, 1–14.
- Moody, S. (2009). *Dyslexia and employment: A guide for assessors, trainers and managers*. John Wiley & Sons.
- Muter, V. (2004). Phonological skills, learning to read and dyslexia. In M. Turner and J. Rack (Eds.), *The study of dyslexia*. Kluwer academic publishers.
- Reid, G. (2009). *Dyslexia: A practitioner's handbook*. (4th ed.). John Wiley & Sons.

- Reis, A., Araujo, S., Morais, I. S., & Faisca, L. (2020). Reading and reading-related skills in adults with dyslexia from different orthographic systems: A review and meta-analysis. *Annals of Dyslexia*, 70, 339–368.
- Snowling, M. J. (2000). *Dyslexia* (2nd ed.). Wiley-Blackwell.
- Siti Wan Aminah Wan dan Suria Baba (2018). Literacy difficulties of dyslexic students in Bahasa Malaysia: A case study in Kelantan. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 1 (2), 9–24.
- Van Hirtum, T., Ghesquiere, P., & Wouters, J. (2020). A bridge over troubled listening: Improving speechinnoise perception by children with dyslexia. *JARO* (2021). DOI: 10.1007/s10162-021-00793-4.
- Vellutino, F. R., Fletcher, J. M., Snowling, M. J., & Scanlon, D. M. (2004). Specific reading disability (dyslexia): what have we learned in the past four decades? *Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 45(1), 2–40.
- Vijayaletchumy Subramaniam (2013). The mastery of the 3M among dyslexia children based on the revised dyslexia list instrument screening test. *Global Journal of Human Social Science Linguistics & Education*, 13(14), 41–47.
- Vijayaletchumy Subramaniam & Kavenia Kunasegran. (2019). *Panduan asas disleksia dan intervensi simptom*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Walda, S., Van Weerdenburg, M., Van der Ven, A., & Bosman, A. (2021). Literacy progress in children with dyslexia and the role of attention, *Reading & Writing Quarterly*, *JARO* (2021). DOI: 10.1080/10573569.2021.1897910.
- Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, W. M. R., Vijayaletchumy, S., Abd Aziz, A. Y., & Abdul Rahim, N. (2011). Dyslexia in the aspect of Malay language spelling. *International Journal of Humanities and Social Science*, 1(21), 266–268.